



18 JUL, 2025

Kripto punca kes curi elektrik berleluasa

Kosmo, Malaysia



AKMAL NASRULLAH (dua dari kiri) meninjau sebuah premis dalam operasi membanteras perlombongan bitcoin haram di Alor Setar semalam.

Kripto punca kes curi elektrik berleluasa

- **TNB rugi RM4.8 bilion akibat perlombongan bitcoin haram**
- **Kecurian meningkat ketara tahun lalu**

Oleh JAMLIAH ABDULLAH

ALOR SETAR – Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengalami kerugian hasil tenaga sebanyak RM4.8 bilion sejak 2018 sehingga Jun tahun ini akibat aktiviti perlombongan bitcoin secara haram.

Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Akmal Nasrullah Mohd. Nasir berkata, Suruhanjaya Tenaga (ST) menjangkakan kegiatan itu akan semakin rancak dan berleluasa ekoran kenaikan nilai mata wang kripto itu ketika ini.

"Kegiatan ini mula suram sedikit sekitar 2022 dan 2023

tetapi berlaku peningkatan ketara pada 2024 dan kita dijangka tahun ini terus meningkat.

"Kerugian direkod meningkat dari RM43 juta pada 2018 dan terus bertambah saban tahun hingga mencecah angka bilion," katanya selepas operasi penguatkuasaan ST ke atas tujuh premis yang disalah guna bagi melombong bitcoin di sini semalam.

Katanya, kerugian hasil tenaga bertambah sehingga mencecah RM4.8 bilion disebabkan kecurian tenaga oleh perlombongan bitcoin sehingga Jun lalu.

"Kita jangkakan tahun ini terus meningkat kerana difahamkan harga bitcoin sedang naik melambung," katanya.

Ujarnya, berdasarkan pemerhatiannya pihak terlibat juga dilihat semakin berani menjalankan kegiatan itu selain menggunakan pelbagai taktik untuk mengaburi mata pihak berkuasa.

"Sindiket kini dikesan menjalankan kegiatan itu secara

terbuka termasuk di premis yang terletak di jalan besar. Kita nampak mereka semakin berani dengan mengaburi jiran-jiran tetangga misalnya menggunakan speaker bunyi burung di premis untuk menutup kegiatan itu.

"Ketika serbuan, kita menemui 80 mesin perlombongan yang beroperasi seperti pendingin hawa berkuasa tinggi dan menyebabkan penggunaan tenaga melampau.

"Perumpamaannya satu mesin itu seolah-olah sebiju pendingin hawa berkuasa 2.5 hp. Anggaran kerugian atau kecurian yang dilakukan oleh pihak tidak bertanggungjawab ini adalah sekitar RM86,000 sebulan untuk satu premis ini sahaja," jelasnya.

Tambahnya, pihak berkuasa akan terus memperhebatkan operasi dan pemantauan ke atas aktiviti itu dan menyeru orang awam agar lebih peka serta menyalurkan maklumat jika mengesyaki terdapat aktiviti mencurigakan.